#### SKIM PERKHIDMATAN AKAUNTAN

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEWANGAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

GRED JAWATAN/GAJI WA41, WA44, WA47/48, WA51/52, WA53/54

TARIKH KUAT KUASA 1 JULAI 2016

#### SYARAT LANTIKAN

- 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
    - (Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00); atau
    - (ii) lulus peperiksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
      - (Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00); atau
    - (iii) lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA).

(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00).

[Senarai Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan di perenggan 1(c)(ii) adalah seperti di **Lampiran B3A**].

#### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN AKAUNTAN GRED WA47, WA51 ATAU WA53

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurangkurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Akauntan Gred WA47, WA51 atau WA53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
  - (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a),1(b),1(c) dan 2;
  - (b) (i) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan dan Ahli MIA; atau
    - (ii) Ahli MIA;
  - (c) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan
  - (d) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred WA47: RM5,161.00/

Gaji permulaan ialah pada Gred WA51: RM5,795.00/

Gaji permulaan ialah pada Gred WA53: RM6,122.00).

#### SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

- 4. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Akauntan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Akauntan Gred WA41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

#### PENETAPAN GAJI PERMULAAN

- TEMPOH PERCUBAAN
- LATIHAN
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED WA44

- 5. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- 6. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- 7. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- 8. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- 9. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi yang ditetapkan;
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  - 0. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- 11. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
- 12. Akauntan Gred WA41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred WA44 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
  - (d) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan; dan
  - (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

### KENAIKAN PANGKAT GRED WA41 KE GRED WA48 DALAM KEADAAN ISTIMEWA

- 13. Akauntan Gred WA41 yang memperolehi kelayakan Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan dan Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) atau Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke jawatan Akauntan Gred WA48 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
  - (d) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan; dan
  - (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

#### KENAIKAN PANGKAT KE GRED WA48

- 14. Akauntan Gred WA44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred WA48 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

#### KENAIKAN PANGKAT KE GRED WA52

- Akauntan Gred WA47/48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred WA52 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
  - (d) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;
  - (e) Ahli MIA;
  - (f) keutamaan diberikan kepada pegawai yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf; dan
  - (g) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

#### KENAIKAN PANGKAT KE GRED WA54

- 6. Akauntan Gred WA51/52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred WA54 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
  - (d) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;
  - (e) Ahli MIA;
  - (f) keutamaan diberikan kepada pegawai yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf; dan
  - (g) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

## KENAIKAN PANGKAT KE KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

17. Akauntan Gred WA53/54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Akauntan yang berkuat kuasa pada 1.1.2005 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2005).



# **ADDITIONAL CRITERIA**

- Familiar in Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS);
- Knowledge in Government Related Planning (GRP 9.0);
- Understanding in SAGA compliance system; and
- Comprehension in Government related circulars.